

22/04/1997

Exco sepakat terima MB baru

KUALA LUMPUR, Isnin - Anggota exco kerajaan negeri Selangor sepakat untuk menerima sesiapa sahaja yang akan dilantik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

Kenyataan sebulat suara itu disampaikan oleh semua Exco Selangor kepada Dr Mahathir dalam satu pertemuan di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Dusun Tua, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad, berkata Perdana Menteri menasihatkan exco supaya sentiasa berhati-hati dan akur kepada siapa sahaja yang dipilih sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

"Kita sebulat suara bersetuju untuk menerima siapa juga yang dipilih oleh Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas pertemuan hampir sejam itu.

Beliau berkata, dalam pertemuan itu, Perdana Menteri tidak menyentuh soal calon yang akan dipilih sebagai menteri besar yang baru.

Mengenai pelantikan menteri besar seharusnya dipilih daripada kalangan exco, Dr Zainal berkata, itu tidak semestinya.

Adun Sungai Burong, Datuk Aini Taib, berkata Perdana Menteri menjelaskan, beliau akan mengambil sedikit masa untuk memilih pengganti menteri besar.

Buat masa ini, katanya, anggota exco perlu menjalankan tugas masing-masing seperti biasa.

"Perdana Menteri berkata, beliau masih ingin melihat-lihat," katanya.

Adun Sijangkang, Datuk Abdul Fatah Iskandar, berkata Dr Mahathir mahu memastikan calon yang akan dilantik sebagai menteri besar kali ini, betul-betul bersih.

"Itu yang dia cakap. Sebab kita dah bagi peluang kepada Perdana Menteri untuk menentukan sesiapa yang sesuai untuk memimpin Selangor..kita terima.

(END)